


Bengkel Pemantapan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) STEMEC Guru SMK Taman Perumahan Bedaun Bersama SISC+



25 Februari 2021 (Khamis) – Bengkel Pemantapan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) STEMEC pegawai SISC+ bersama warga guru SMK Taman Perumahan telah dilaksanakan pada Khamis lalu. Bengkel PBP STEMEC ini disampaikan oleh pegawai SISC+, Puan Arni Samiraty Abdol Samad.

Pendekatan bengkel ini membabitkan pelaksanaan dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dengan menggunakan kaedah pedagogi iaitu Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP). Program pembudayaan PBP direncanakan untuk menggalakkan inovasi dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) sekali gus berlakunya pengintegrasian teknologi.

Bengkel ini berlangsung secara dalam talian melalui aplikasi 'Google Meet' dan dihadiri oleh 40 orang guru

SMK Taman Perumahan Bedaun. Turut mengikuti bengkel ini Penolong Kanan Pentadbiran, Puan Chai Yee San, Penolong Kanan Kokurikulum, Puan Lau Chin Ying dan Penyelaras PBP STEM SMKTPB iaitu, Puan Roselyn Gubal .

Bengkel yang disampaikan oleh Puan Arni Samiraty dapat membentuk kesediaan guru dalam pembaharuan Pendidikan terutamanya dalam PdPc guru. PBP yang dilaksanakan di sekolah perlulah selaras dengan keperluan kurikulum sebenar iaitu dapat mewujudkan pembelajaran berdasarkan pendekatan inkuiri.

Menurut Puan Arni Samiraty, dalam merancang aktiviti PdPc, guru perlu merungkai keperluan kurikulum berlandaskan pada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Objektif Pembelajaran (OP) dan Standard Kandungan (SK) bagi sesuatu subjek.



Puan Arni Samiraty : Penceramah Bengkel Pemantapan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) yang juga Pegawai SISC+ di Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan. Melalui PBP yang dilaksanakan oleh guru di sekolah, pelaksanaan PBP mewujudkan persoalan yang akan dijawab oleh pelajar. Dalam konteks ini, guru atau pelajar mengemukakan satu tema persoalan yang akan memandu pelajar membuat projek secara berkolaborasi.

Projek ini mengintegrasikan pelbagai subjek dalam kurikulum seperti subjek Bahasa Melayu, Sains, Pendidikan Jasmani dan Reka Bentuk dan Teknologi. Pengintegrasian pelbagai subjek ini dapat mewujudkan pendekatan STEM Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP). PBP dalam PdPc memerlukan pelajar menjawab persoalan dunia sebenar berlandaskan pengetahuan secara holistik dalam kalangan murid.

Menurut Puan Arni Samiraty lagi, sebelum guru membuat Rancangan Pengajaran Harian (RPH), guru setiap mata pelajaran perlu mempunyai pengetahuan untuk merungkai kurikulum sebenar. Dalam penulisan RPH, setiap ayat dalam Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Kandungan (SK) perlu diletakkan dua perkara utama iaitu aspek pengetahuan dan kemahiran. Oleh itu, perbincangan dalam kalangan guru mata pelajaran sangat penting untuk menghasilkan penulisan RPH yang selaras seperti memperkenalkan Toolkit Merungkai Kurikulum.

Secara keseluruhan, kaedah PBP STEMEC merupakan salah satu daripada amalan terbaik dan inovatif dalam proses PdPc yang berasaskan penyelesaian masalah. Pada masa yang sama, bengkel ini dapat melatih guru untuk mengaplikasikan kaedah PBP dalam PdPc yang bersesuaian dengan kebolehan murid.

Pelaksanaan PBP memberi peluang kepada murid untuk terlibat secara aktif di dalam pembelajaran, malah dapat melahirkan murid yang berkebolehan menguasai konsep, kemahiran dan berupaya menggunakan pengetahuan saintifik dalam kehidupan sebenar.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun

Pemantauan Kantin Sekolah Rendah Sempena Pembukaan Semula Sekolah.



Pada 26 hb Februari 2021 bermula pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari, seramai 7 orang pegawai di Sektor Pembangunan Murid telah diamanahkan untuk membuat pemantauan kantin di semua sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Ahmad, Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid telah memberikan taklimat kepada semua pegawai sebelum memulakan pemantauan ke sekolah yang telah diagihkan kepada tiga kumpulan pemantau. Hasil daripada pemantauan yang dilakukan ke semua kantin sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Labuan, pihak pengusaha kantin dan pihak sekolah telah membuat persediaan sepenuhnya untuk memulakan operasi sebaik sahaja sekolah mula dibuka semula bermula 1 Mac depan. Kantin adalah dalam keadaan yang bersih serta mematuhi

SOP yang telah ditetapkan.



**Pembudayaan Generasi Cilik
Al-Quran: SMK Mutiara Anjur**

Majlis Khatam Al Qur'an Peringkat Sekolah Siri 1 Bagi Program Al-Quran Dekat Dihatiku Tahun 2021



25 Februari 2021 – Sebagai satu usaha meningkatkan penghayatan Al- Quran, Panitia Pendidikan Islam SMK Mutiara, WP Labuan telah mengaktifkan pembudayaan amalan membaca Al-Quran di kalangan guru-guru dan para murid di SMK Mutiara dengan pengagihan setiap juzuk Al-Quran selama satu bulan. Program yang dinamakan sebagai Al-Quran Dekat Dihatiku ini telah mendapat sambutan yang sangat baik dan menggalakkan daripada warga SMK Mutiara.

Agihan juzuk siri pertama ini telah diselaraskan oleh Ustaz Haji Zainal bin Abdul Wahab, pada 20 Januari 2021

melalui medium atas talian di media sosial sekolah yang telah disertai seramai 30 orang guru dan 30 orang pengawas SMK Mutiara. Justeru itu, pada 25 Februari yang lalu, Majlis Khatam Al-Quran Siri 1 ini yang buat julung kalinya telah diadakan di bawah kelolaan Panitia Pendidikan Islam, yang diketuai oleh Ustazah Siti Sarah binti Abdul Majid selaku Ketua Panitia Pendidikan Islam di SMK Mutiara. Majlis Khatam Al Quran ini turut dihadiri oleh YDP PIBG SMK Mutiara iaitu Ustaz Ahmad Adha Ahmad Zohdi, sebagai tetamu jemputan dan seterusnya meraikan beliau yang akan berpindah ke semenanjung. Turut hadir dalam memeriahkan majlis ini ialah Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam WP Labuan, Ustaz Mohd Syahir bin Mohd Yusuf.

“Kepentingan warga pendidik SMK Mutiara yang saling bersatu hati dan terus istiqamah dalam memartabatkan Al-Quran, sentiasa membaca dan menghayatinya selalu agar menjadi benteng kekuatan untuk para pendidik supaya terus maju berjuang menyampaikan ilmu dalam landasan agama Islam, tidak kira mereka adalah guru akademik biasa atau guru pendidikan Islam. Inisiatif ini wajar dipuji dan terus diamalkan sebagai pembudayaan Al-Quran di sekolah”, ujar Ustaz Ahmad Adha Ahmad Zohdi dalam intipati ucapan khas amanat terakhir daripada YDP PIBG. Tambah beliau lagi, secara tidak langsung amalan ini akan menjadi contoh teladan yang baik kepada anak-anak di SMK Mutiara dan paling utama ianya dapat memberi suntikan motivasi kepada mereka. Beliau juga sangat berharap, agar guru-guru yang dapat melantunkan bacaan Al-Quran dengan baik dan indah sekali, dapat bersama-sama memastikan anak-anak di SMK Mutiara kesemuanya berjaya menjadi anak-anak yang celik Al-Quran.

“Selain itu, Program Khatam Al-Quran seperti yang dianjurkan ini juga dapat memberikan suntikan rohani buat para pendidik. Semoga program sebegini dapat terus

dilaksanakan oleh semua guru, disokong oleh pentadbir dan diamalkan oleh kesemua murid beragama Islam di SMK Mutiara pada masa akan datang secara berterusan. Saya akan terus memberi sokongan dan sentiasa bertanyakan khabar berita warga SMK Mutiara walaupun akan kembali bertugas di semenanjung”, tambah Ustaz Ahmad Adha Ahmad Zohdi selaku YDP PIBG SMK Mutiara yang telah menggalas amanah ini hampir 2 tahun.

Dalam Majlis Khatam Al-Quran Siri 1 kali ini, Ustaz Kamaruzzaman bin Mohd Razali telah menggalas tanggungjawab sebagai Khalifah. Manakala bingkisan doa khatam pula di baca oleh Ustaz Mohd Saifullizan bin Mat Yasin. Antara isi kandungan doa yang dibaca ialah memanjatkan rasa setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana ramai pesakit yang dijangkiti virus COVID-19 di WP Labuan telah sembuh dan semakin berkurangan serta memohon doa juga agar Allah SWT sentiasa memelihara warga sekolah khususnya buat anak-anak di SMK Mutiara, titipan doa kejayaan buat murid Tingkatan 5 kohort 2020 yang bakal menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan kemaslahatan masyarakat amnya. Menurut Ustazah Siti Sarah binti Abdul Majid, selain daripada membudayakan penghayatan Al-quran di bulan Rejab ini, secara tidak langsung pelaksanaan program ini dapat menyemarakkan rasa cinta dan menjunjung tinggi ajaran Islam yang disarankan oleh Al-Quran.

“Hubungan silaturrahim di antara warga SMK Mutiara dapat dieratkan khususnya sewaktu program dijalankan. Tahniah kepada Panitia Pendidikan Islam dan kesemua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan program ilmu dan rohani seperti ini”, kata Pengetua SMK Mutiara, Encik Yahya bin Ahmad Puteh. Tambahnya lagi, kesepakatan yang ditonjolkan ini selari dengan matlamat sekolah dalam memacu kecemerlangan iaitu semangat berpasukan, bertekad cemerlang.

Di akhir Majlis Khatam Al-Quran Siri 1 ini, Ustaz Mohd Syahir bin Mohd Yusuf turut merakamkan ucapan tahniah kepada barisan pentadbir dan barisan asatizah serta para qari dan qariah peserta khatam Al-Quran SMK Mutiara atas pelaksanaan program yang mulia ini. Beliau juga mengucapkan tahniah atas lantunan pembacaan Al-Quran yang baik. Harapan beliau agar semua yang terlibat dalam majlis yang penuh barokah ini mendapat keberkatan daripada Illahi dan ditulis nama oleh para malaikat sebagai ahli taman syurga yang hakiki kelak.



Majlis Khatam Al-Quran SMK Mutiara Siri 1 || 7-830 || GM



TAFACQUH FIDDIN : KEMULIAAN REJAB

Merungkai Ibadah Zakat dan Agihan Wakalah



Labuan, 23 Feb – Kemuliaan Rejab menjadi tajuk tazkirah dalam Program Tafacquh Fiddin, jalinan kerjasama antara Sektor Pendidikan Islam (SPI), Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) dengan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Cawangan Wilayah Persekutuan Labuan secara dalam talian yang diadakan baru-baru ini.

Tafacquh Fiddin merupakan program mingguan SPI dalam usaha memberi pengetahuan tentang agama Islam meliputi bidang akidah, syariah dan akhlak di bawah unit Pembangunan Adab dan Nilai.

Majlis bermula seawal jam 8.00 pagi dengan bacaan surah Al Kahfi ayat 1 hingga 10 dan ayat 100 hingga 110 yang dipimpin oleh Tuan Hj Sahrum bin Samlan dari SPI, JPWPL

Ianya diikuti dengan bacaan surah Yaasin yang dipimpin oleh Encik Amir bin Budin dari Sektor Sumber Manusia (SSM). Manakala bacaan doa selamat dipimpin oleh ustaz Mohd Syahir bin Mohd Yusof daripada SPI.

Tazkirah *on-line*, Kemuliaan Rejab, Penjelasan Zakat dan Wakalah telah disampaikan oleh Tn Hj Ahmad Sharizah bin Saffian daripada PPZ.



TAZKIRAH: Ahmad Sharizal menyampaikan tazkirah Kemuliaan Rejab dan merungkai persoalan berkaitan zakat dan wakalah.

Menurut Ustaz Ahmad Sharizal, Bulan Rejab merupakan salah satu daripada 'al-Ashur al-Hurum' (bulan-bulan haram) dan bulan yang menghampiri Ramadan. Bulan Rejab ini setiap kezaliman, dosanya lebih besar daripada bulan lain sebagaimana kebaikan yang dilakukan pada bulan ini maka pahalanya lebih banyak daripada bulan lain. Antara keistimewaan bulan Rejab ialah berlakunya peristiwa Isra' dan Mikraj yang menurut kebanyakan ulama' ia berlaku pada 27 Rejab.

"Rejab bermaksud mengagungkan. Rejab digabungkan dengan syaaban disebut rejaban. Bulan untuk kita koreksi semula puasa-puasa yang belum diqada' maka bersegeralah

untuk melunaskan hutang puasa. Di bulan inilah kita perbanyakkan ibadah sunat seperti solat sunat, bersedekah, berzikir, berpuasa sunat untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. sebagai persiapan untuk menyambut Ramadan.

“Di bulan Rejab inilah kita merancang untuk mengagihkan wang wakalah yang telah disalurkan ke sekolah-sekolah. Agihkanlah wang wakalah mengikut garis panduan yang sepatutnya untuk tujuan maslahat seperti surau sekolah, membantu pelajar-pelajar miskin, aktiviti keagamaan sebagaimana garis panduan yang telah diedarkan ke sekolah-sekolah”. katanya.



TEKUN: Amir bin Budin mengetuai Bacaan Surah Yaasin semasa Program Tafaqquh Fiddin.


Wakalah merupakan pengembalian wang zakat kepada entiti yang membayar zakat kepada Pusat Pungutan Zakat-MAIWP untuk diagihkan kepada asnaf yang layak berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Penyerahan wang

wakalah oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ke sekolah-sekolah telah dilaksanakan pada bulan Disember yang lalu.

Majlis secara maya menggunakan aplikasi google meet ini telah dihadiri oleh Pengarah JPWPL, Puan Khaziyati binti Osman, Timbalan-timbalan Pengarah, Ketua-ketua Penolong Pengarah, Pengetua dan Guru Besar, pegawai-pegawai di JPWPL, guru-guru Pendidikan Islam dan warga pendidikan di Wilayah Persekutuan Labuan.


Siaran langsung majlis ini turut dimuat naik dalam Facebook Live dan You Tube Live.

Berita Oleh : Sektor Pendidikan Islam



KENANGAN: Hadirin turut merakamkan gambar bersama penceramah dan puan pengarah seusai majlis Tafaqquh Fiddin.

PLC Meningkatkan Kompetensi Guru Pendidikan Islam



Professional Learning Community (PLC): Penulisan Objektif Pembelajaran Dan Kriteria Kejayaan (OPKK) Dalam Rancangan Pelajaran Harian (RPH) Pendidikan Islam Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2021 telah diadakan secara dalam talian pada 17 Februari lalu.

Kursus yang dianjurkan oleh Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) bertujuan untuk meningkatkan kompetensi Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam memantapkan lagi penulisan OPKK dalam RPH. Diharapkan juga agar kursus ini dapat meningkatkan kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) GPI di wilayah ini.

PLC ini merupakan satu usaha untuk meningkatkan profesionalisme guru melalui pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti serta amalan pengajaran dan pembelajaran, berkongsi kepakaran, menjalinkan kerjasama di samping mewujudkan semangat kerja berpasukan yang utuh

ke arah kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran.

Seramai 100 peserta yang terdiri daripada Guru Pendidikan Islam sekolah rendah dan sekolah menengah di wilayah ini menyertai kursus ini.

Kursus ini disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Pegawai SISC+ Sains Sosial, PPD Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang, Puan Nor Shifa binti Saad.



KOMITED: Puan Nor Shifa begitu komited dan bersemangat ketika menyampaikan ceramah


Antara perkongsian Ilmu yang telah disampaikan oleh penceramah ialah berkaitan Idea Utama PLC, Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), Pentaksiran Bilik Darjah, Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21), SKPMg2 Standard 4 iaitu hubung kait antara guru sebagai pendorong dan murid sebagai pembelajar aktif, Sekolah Transformasi (TS25), Penjajaran Kurikulum 2.0, Cara Penulisan Objektif Pembelajaran dan Kriteria Kejayaan.

Menurut Puan Nor Shifa manusia memiliki kekuatan dari dalam bagi membentuk ummah yang berkualiti. Guru adalah individu yang paling rapat yang mampu memberi bimbingan dan dorongan kepada para pelajar.

"Tugas guru bukan hanya tertumpu kepada aspek kurikulum semata-mata bahkan guru perlulah bersedia dengan bidang ilmu yang pelbagai."

"Karena itu, untuk membangun manusia bukan Outside-In, tetapi Inside-Out. kerana hal besar di mulai dari dalam hati (niat) bukan dari luar diri," lanjutnya.

Guru perlu bersedia membantu dan dibantu. Menyertai sesi *coaching* dapat membantu guru mengeluarkan potensi diri bagi memajukan diri dan membuat anjakan yang positif dalam pemikiran dan tindakan. Resepinya ialah bertanya dan mendengar.



Perkongsian ilmu: Puan Nor Shifa berkongsi ilmu berkaitan PdPR dan bersedia menjawab persoalan daripada peserta kursus.

The presentation slide contains the following content:

Urutan	Isi	Indikator	Penilaian
1	Menjelaskan kronologi peristiwa pembukaan Kota Mekah	Menjelaskan kronologi peristiwa pembukaan Kota Mekah	Menjelaskan kronologi peristiwa pembukaan Kota Mekah
2	Menjelaskan faktor penyebab terjadinya peristiwa pembukaan Kota Mekah	Menjelaskan faktor penyebab terjadinya peristiwa pembukaan Kota Mekah	Menjelaskan faktor penyebab terjadinya peristiwa pembukaan Kota Mekah
3	Menjelaskan kronologi peristiwa pembukaan Kota Mekah	Menjelaskan kronologi peristiwa pembukaan Kota Mekah	Menjelaskan kronologi peristiwa pembukaan Kota Mekah
4	Menjelaskan faktor penyebab terjadinya peristiwa pembukaan Kota Mekah	Menjelaskan faktor penyebab terjadinya peristiwa pembukaan Kota Mekah	Menjelaskan faktor penyebab terjadinya peristiwa pembukaan Kota Mekah
5	Menjelaskan kronologi peristiwa pembukaan Kota Mekah	Menjelaskan kronologi peristiwa pembukaan Kota Mekah	Menjelaskan kronologi peristiwa pembukaan Kota Mekah
6	Menjelaskan faktor penyebab terjadinya peristiwa pembukaan Kota Mekah	Menjelaskan faktor penyebab terjadinya peristiwa pembukaan Kota Mekah	Menjelaskan faktor penyebab terjadinya peristiwa pembukaan Kota Mekah

Di akhir pembelajaran, murid (audience) dapat menjelaskan (behaviour) kronologi peristiwa pembukaan Kota Mekah (condition) mengikut susunan yang betul (degree).

Di akhir pembelajaran, murid dapat menerangkan (perilaku) 4 factor kejayaan pembukaan Kota Mekah (tujuan), dengan hujah yang betul (skor).

Di akhir pembelajaran, murid dapat:

- Menjelaskan kronologi peristiwa pembukaan Kota Mekah
- Menerangkan factor kejayaan pembukaan kota Mekah

PENERANGAN: Penerangan tentang cadangan Penulisan objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan.


Katanya lagi, dunia sekarang yang *volatile, uncertain, complex, ambiguous* (VUCA) memerlukan guru yang sentiasa bersiap sedia, peka terhadap perubahan dan dinamik dalam pengurusan dan kepimpinan.

"Sebagai contoh Pendemik Covid-19, ianya secara tidak langsung mengandungi hikmah yang amat luar biasa. Guru-guru mulai kreatif mempelbagaikan gaya pengajaran dengan menggunakan sumber sama ada secara 'On-line' mahupun 'Off-line'. Perkara penting yang perlu dititikberatkan adalah pelaksanaan tugas dengan cekap dan menepati masa." katanya.

Dalam ceramah yang diselang selikan dengan sesi soal jawab, Puan Nor Shifa turut menekankan penulisan objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan yang betul amat penting untuk membantu murid memahami proses dan hasil yang dihasratkan pada akhir pembelajaran. OPKK perlu dipaparkan di hadapan kelas dan sentiasa dirujuk sepanjang berlangsungnya PdP.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan

Islam, Puan Kamariah Salim merakamkan ucapan terima kasih di atas kesudian penceramah berkongsi ilmu dengan warga pendidik di W.P.Labuan biarpun secara maya.



BERUCAP: Kamariah menyampaikan ucapan ringkas semasa telesidang PLC Penulisan OPKK Pendidikan Islam Dalam Rancangan Pengajaran Harian secara telesidang.


Katanya, guru-guru turut berpeluang untuk bertanya soalan dan merungkai segala permasalahan berkaitan penulisan OPKK yang sangat penting khususnya sekolah TS25 bagi memaksimumkan potensi guru dan murid menerusi peningkatan kualiti pembelajaran dan pengajaran.

“Keadaan semasa ketika ini ‘memaksa’ semua guru bertindak lebih responsif. Namun secara tidak langsung menjadikan guru-guru lebih kreatif menerokai dunia teknologi maklumat. Pelbagai kaedah dan platform diguna pakai bagi proses PdPr, sama ada secara on-line mahupun off-line yang membolehkannya secara interaktif selari kaedah PdP abad ke-21”. Katanya semasa majlis PLC tersebut.

Menurutnya lagi, beliau berkeyakinan pada tahun 2021, pelaksanaan PdPR akan bertambah baik berikutan pengalaman guru-guru pada tahun lepas yang boleh dijadikan

pengajaran.

Berita Oleh : Sektor Pendidikan Islam



KENANGAN: Peserta kursus merakamkan gambar bersama penceramah secara atas talian selepas selesai kursus.

Memohon Doa Restu SPM 2020 SMK Pantai IBWS



Labuan, 19 Feb – SMK Pantai IBWS Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan Majlis Mohon Restu Ilmu untuk calon-calon SPM 2020 dalam situasi norma baharu kerana majlis tersebut turut diadakan secara dalam talian yang disertai oleh para ibu bapa dan warga sekolah. Majlis tersebut merupakan satu pengisian minggu terakhir sebelum menjelangnya SPM yang akan berlangsung pada 22 Februari 2021.

Objektif majlis tersebut adalah untuk menunjukkan sokongan dan kasih sayang guru-guru yang menjadi tenaga pengajar kepada calon-calon SPM 2020 sepanjang mereka belajar di sekolah ini. Selain itu, majlis ini memberikan peluang kepada murid-murid memohon doa, kemaafan dan memberi penghargaan kepada guru-guru mereka.

Terdahulu majlis pada pagi Jumaat itu dimulai dengan bacaan Yaasin yang diketuai oleh adik Naeim Hazeq bin Yusup merupakan murid 5 Principled. Bacaan doa diketuai oleh adik Adam Daniel bin Haris dari kelas 5 inquirer. Ucapan wakil murid pula diwakili oleh adik Aliya Shakira binti Mohd Amir dari kelas 5 Inquirer. Dalam majlis itu juga, Puan Zaleha binti Pump @ Pumb (Guru Kanan Bidang Bahasa) turut menyampaikan amanat untuk subjek Bahasa Melayu. Manakala, Puan Jennifer bt Alip @ Janneffar

(Ketua Panitia Sejarah) menyampaikan amanat untuk subjek Sejarah.

Pengetuannya, Puan Norazita binti Md Nor @ Shamsuri telah menyampaikan amanat kepada semua calon SPM 2020 agar menggunakan peluang pada majlis tersebut untuk memohon daripada semua guru agar menghalalkan semua ilmu yang diberikan.

Beliau juga berpesan kepada calon-calon SPM 2020 supaya menjaga keselamatan dan kesihatan sepanjang peperiksaan di samping meluangkan masa dengan perkara berfaedah dan terus memberikan tumpuan untuk membuat ulang kaji.

Pada majlis itu juga, Puan Norazita menyeru agar guru-guru mendoakan urusan peperiksaan dipermudah, menghalalkan semua ilmu yang diberikan, memaafkan kesalahan murid dan mendoakan murid dengan ikhlas kerana kejayaan murid merupakan kejayaan kepada guru.

“Saya suka membuat kesimpulan bahawa apa-apa yang dilalui selama ini sebagai DUIT dalam menerangkan perkara penting untuk menjadi murid yang cemerlang. ‘D’ ialah doa yang kita ungkapkan setiap masa dan doa ibu bapa dan guru-guru. ‘U’ ialah usaha yang kita kerjakan ke arah kecemerlangan akademik. ‘I’ ialah istiqamah iaitu konsisten atau usaha berterusan. Akhir sekali ialah ‘T’ merupakan tawakal iaitu menyerahkan segalanya kepada Allah”, katanya penuh harapan sambil mengucapkan tahniah kepada AJK pelaksana kerana berjaya mengadakan majlis tersebut walaupun dalam keadaan norma baharu.



Puan Norazita binti Md Nor @ Shamsuri, Pengetua SMK Pantai IBWS menyampaikan amanat kepada calon-calon SPM 2020.

Berita Oleh : Puan Zaleha binti Pump @ Pumb

Majlis Bacaan Yasin dan Restu Ilmu Calon SPM 2020




Labuan, 21 Feb – Panitia Pendidikan Islam SMK Taman Perumahan Bedaun (SMKTPB) telah menganjurkan Majlis Bacaan Yasin dan Restu Ilmu untuk calon SPM 2020. Program ini berlangsung secara dalam talian melalui “Google Meet” bersama-sama dengan calon SPM 2020, ibu bapa dan juga guru-guru dengan pelibatan seramai 98 orang.

Menurut Penyelaras Program, Ustaz Mohd Daud Abdul Rahman, objektif program ini adalah untuk mendoakan kesihatan dan keselamatan warga sekolah serta keluarga terhindar daripada ditimpa musibah wabak Covid-19, di samping memohon kepada Allah agar mereka yang dijangkitan wabak Covid-19 akan kembali sembuh dengan segera.

Tambah beliau, program ini juga bertujuan untuk memohon pertolongan Allah dan sebagai usaha kerohanian agar murid-murid yang akan menduduki peperiksaan SPM berada di sekolah dalam keadaan yang selamat, dapat belajar dengan tenang dan beroleh keputusan yang cemerlang dalam SPM kelak.

Program yang bermula selepas solat Maghrib di rumah masing-masing dimulakan dengan bacaan Yasin dan diikuti dengan bacaan doa secara dalam talian yang dipimpin oleh Ustaz Erzadiansyah bin Uzaad.

Pengetua SMKTPB, Encik Ag. Rozlan Manan merkamkan ucapan terima kasih atas kehadiran semua murid, ibu bapa serta guru-guru ke majlis ini yang dilaksanakan secara norma baharu tidak seperti tahun-tahun sebelumnya.



Ucapan oleh pengetua, Encik Awang Rozlan bin Manan Beliau berharap agar murid-murid Tingkatan 5 tahun 2020 sudahpun bersedia untuk menduduki peperiksaan SPM setelah 11 tahun di alam persekolahan. Dalam ucapannya juga, beliau memaklumkan bahawa rakaman taklimat daripada guru mata pelajaran untuk kertas SPM akan dihantar kepada murid melalui rakaman audio dan video.


Beliau juga memohon kerjasama daripada ibu bapa untuk mengawal pergerakan dan aktiviti anak-anak di rumah sepanjang musim peperiksaan berlangsung. Motivasi dan kata-kata semangat daripada ibu bapa, di samping memantau kesihatan anak-anak amatlah diharapkan dalam membantu meningkatkan keyakinan anak-anak untuk menduduki peperiksaan SPM.

Sebelum mengakhiri majlis, beliau turut menyatakan keyakinannya dengan kemampuan murid, ditambah dengan keupayaan guru serta sokongan ibu bapa kepada calon SPM untuk mengulangi pencapaian 100 peratus lulus SPM.

Untuk rekod, seramai 94 orang murid sekolah ini akan menduduki peperiksaan SPM yang akan bermula pada hari Isnin, 22 Februari 2021.

Majlis diakhiri dengan solat Isyak dan solat Hajat di rumah masing-masing.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun



**Road To Success SPM 2020 Di
Didik Tv @ Ntv 7 :
Pendidikan Maya Alaf Baharu
Sebagai Persiapan Menduduki
Sijil Pelajaran Malaysia**

(SPM)



17 Februari – Program Road to Success SPM 2020 Bahasa Arab Kertas 1 telah disiarkan secara langsung di Didik TV NTV 7 bersama calon-calon SPM 2020 Bahasa Arab Tingkatan 5 Ibnu Sina dari SMK Mutiara, WP Labuan. Program yang menggunakan platform secara atas talian iaitu *Google Meet* selaras dengan norma baharu ini telah melibatkan seramai 23 orang murid calon SPM Bahasa Arab dari SMK Mutiara bersama-sama calon-calon SPM lain dari seluruh Malaysia.

Buat julung kalinya murid-murid kelas 5 Ibnu Sina dari SMK Mutiara telah menerima jemputan khas dari NTV 7 sebagai peserta Program Teknik Menjawab SPM Bahasa Arab Kertas 1 secara langsung pada jam 3 sehingga 4.30 petang. Pendidikan maya ini telah dikendalikan secara interaktif oleh guru yang berpengalaman mengajar dalam Bahasa Arab selama 20 tahun iaitu Ustaz Alimshah Zulkafri dari SABK Maahad Al-Ehya Asshariff, Gunung Semanggol, Perak sebagai

penceramah jemputan Program Teknik Menjawab Bahasa Arab Kertas 1 ini.

“ Inisiatif daripada Panitia Bahasa Arab SMK Mutiara, WP Labuan ini diharapkan dapat membantu murid-murid SMK Mutiara yang akan menduduki SPM Kertas Bahasa Arab pada 15 Mac 2021 tidak lama lagi. Walaupun mereka menghadapi kekangan dan cabaran dalam pembelajaran *online*, ianya tidak menghalang pihak sekolah untuk terus memberi peluang, ruang serta pendekatan yang sesuai sebagai persiapan murid-murid menghadapi peperiksaan SPM “, kata Encik Zainal Bin Abdul Wahab selaku Ketua Panitia Bahasa Arab SMK Mutiara, WP Labuan ketika dihubungi. Tambah beliau lagi, dalam menghadapi saat-saat genting ini, pendekatan motivasi pembelajaran yang berterusan kepada murid adalah sangat penting sebagai kekuatan jiwa mereka yang lebih kuat dan kental untuk menduduki peperiksaan SPM sambil berazam tinggi untuk membuktikan sesuatu kepada diri sendiri, sekolah, ibu bapa dan masyarakat.

Manakala, adik Mohammad Aiman Hakim bin Kamarul selaku wakil murid Tingkatan 5 Ibnu Sina dalam sesi *live* ini mengatakan bahawa walaupun mereka merupakan calon SPM yang paling bersejarah dan juga yang paling banyak melalui cabaran berbanding calon-calon sebelumnya, ini tidak akan menghalang mereka untuk membuat persiapan terakhir menduduki peperiksaan. Malah aura yang ceria dan pendekatan yang positif sepanjang program ini berlangsung dapat meningkatkan lagi semangat juang dan keyakinan dalam menghadapi Kertas 1 Bahasa Arab.



Adik Mohammad Aiman Hakim bin Kamarul daripada Tingkatan 5 Ibnu Sina menjadi salah seorang antara wakil peserta murid SMK Mutiara, WP Labuan dari seluruh Malaysia secara Live di program ini.

“ Melalui program live Didik TV NTV 7 ini, banyak ilmu, input dan teknik dalam menjawab Bahasa Arab Kertas 1 yang boleh saya dan rakan-rakan sekelas yang lain manfaatkan sebagai persediaan peperiksaan kertas Bahasa Arab pada 15 Mac nanti. Insya Allah kami akan cuba yang terbaik untuk diri kami sendiri, ibu bapa serta guru-guru SMK Mutiara yang tidak berputus asa dalam mendidik kami”, ujar adik Nurul Haziqah Binti Mohd Rashidin juga daripada Tingkatan 5 Ibnu Sina.

Sekalung terima kasih juga kepada barisan Unit ICT SMK Mutiara, WP Labuan, Puan Farah Sha’adah binti Hamzah dan Encik Mohd Asrul bin Jais yang telah membantu di sepanjang program bagi memastikan kelancaran program ini berlangsung di Makmal Komputer Bestari, SMK Mutiara. Secara keseluruhannya program ini telah berjaya mencapai objektif Panitia Bahasa Arab SMK Mutiara WP Labuan dan semua murid yang terlibat telah menunjukkan reaksi yang positif dan bersemangat di sepanjang program ini berlangsung. Terlepas menonton Road To Success SPM 2020

di Didik TV @ NTV 7 semalam? Boleh tonton semula di pautan berikut : <https://youtu.be/J025ynbd2Sc> atau siaran ulangnya di www.tonton.com.my.



Ketua Panitia Bahasa Arab SMK Mutiara, WP Labuan, Ustaz Haji Zainal bin Abdul Wahab sedang memberikan bimbingan dan sokongan sepanjang Program Teknik Menjawab Kertas 1 SPM Bahasa Arab : Road To Success SPM 2020 sedang berlangsung kepada murid-murid Tingkatan 5 Ibnu Sina



Pembelajaran maya melalui Google Meet di Didik TV @ NTV 7 berjaya menarik minat dan semangat murid dalam persiapan menghadapi peperiksaan SPM tidak lama lagi.



Walaupun hanya melalui alam maya, ianya tidak menghalang usaha guru berpengalaman dalam subjek Bahasa Arab selama 20 tahun iaitu Ustaz Alimshah Zulkafri untuk berkongsi ilmu, tips dan panduan dalam teknik menjawab Kertas 1 SPM Bahasa Arab kepada calon-calon murid Kertas 1 Bahasa Arab SMK Mutiara, WP Labuan dan di seluruh Malaysia melalui medium Didik TV @ NTV 7.

**Bengkel Pembangunan
Profesional Berterusan
(CPD) Tingkat Kualiti Guru
SMK Taman Perumahan Bedaun**



Labuan, 16 Februari 2021 (Selasa) – Bengkel Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) untuk warga guru di SMK Taman Perumahan Bedaun dengan kerjasama oleh pegawai SISC+ Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan berjalan lancar.

Pengetua En. Ag Rozlan merakamkan ucapan terima kasih kepada pegawai SISC+ Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Labuan yang sudi meluangkan masa membimbing guru-guru SMKTPB.


Beliau turut memaklumkan sekolah telah meletakkan KPI semua panitia melaksanakan kajian tindakan untuk peningkatan kualiti pembelajaran murid-murid yang seterusnya dapat meningkatkan skor Standard 4 SKPMg2 dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

Bengkel CPD yang dilaksanakan selama 2 jam telah disampaikan oleh Cik Juraidah Aman dan Cik Suriani Oxley. Melalui bengkel ini, pegawai SISC+ menyampaikan taklimat berkaitan Standard 4 Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) dan Perancangan Kajian Tindakan. Bengkel ilmiah ini dijalankan secara dua hala, iaitu berlakunya sesi soal jawab antara pegawai SISC+ dan warga guru.

Bimbingan secara langsung yang disampaikan kepada warga guru menerusi Program Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) berupaya meningkatkan kualiti pendidik terutamanya apabila guru melaksanakan Kajian Tindakan.

Menurut Cik Suriani Oxley, Kajian Tindakan yang dilaksanakan oleh guru dapat membantu guru menyelesaikan permasalahan murid dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Bimbingan ini juga dapat memberikan impak berkesan terhadap murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Dalam meningkatkan kualiti guru, pegawai SISC+ boleh membimbing guru untuk mengamalkan pedagogi menarik, kreatif dan inovatif supaya pembelajaran dan pengajaran kepada murid dapat dilakukan secara berkesan.

“Bengkel ini bukan sahaja memberi manfaat untuk meningkatkan kualiti guru di sekolah, malah membolehkan amalan terbaik guru dikongsi bersama guru-guru di sekolah lain.” Cik Suriani Oxley



Penceramah Program Pembangunan Cik Suriani Oxley
Berdasarkan taklimat di bawah Standard 4 SKPMg2, guru berperanan sebagai pemudah cara dalam proses PdPc yang berkesan untuk memperkembangan potensi murid secara

menyeluruh dan meningkatkan pencapaian murid pada tahap optimum secara berterusan.

Menurut Cik Juraidah Aman, kaedah PdPc yang baik adalah yang berpusatkan pelajar serta berlakunya PdPC dua hala antara guru dan murid, di samping penyerapan kemahiran bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir dan teknologi maklumat serta komunikasi di dalam dan di luar bilik darjah.

“Oleh hal yang demikian, guru-guru perlu mencari pendekatan, kaedah, strategi, dan teknik pengajaran baharu agar pelajar pasca merdeka kini suka akan guru dan pengajaran guru.” Cik Juraidah Aman

Dalam mendepani pandemik COVID-19, warga guru SMKTPB berusaha untuk menyampaikan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) yang berkesan kepada murid.

Pegawai SISC+ bukan sahaja memainkan peranan dalam memberi bimbingan dalam sesi PdPc dan PDPR, malah membimbing guru-guru dalam meningkatkan profesionalisme keguruan bagi menyediakan guru yang akan menjadi seorang pengurus dan pentadbir profesional kelas pertama.

Bagi merealisasikan hasrat ini semua pihak harus menggalas tugas tidak berbelah bagi untuk melahirkan bakal guru berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin pembangunan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin.

Turut hadir bersama Penolong Kanan Pentadbiran Pn. Chai Yee San dan Penolong Kanan Ko-kurikulum Pn. Lau Chin Ying.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun



Pengetua En. Ag Rozlan memberi ucapan alu-aluan untuk program CPD sekolah

Pelancaran Mai Tah Baurung-Urung Secara Dalam Talian 2021



Labuan, 16 Februari – Jabatan Pendidikan Wilayah

Persekutuan Labuan telah melancarkan Program Maitah Baurung-Urung 2021 secara dalam talian, kelmarin dengan jayanya.

Pelancaran dibuat melalui saluran Youtube rasmi Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan yang telah dihadiri oleh warga pendidikan di Labuan.

Program ini telah berjaya menghimpunkan warga pendidikan di Labuan untuk mendapatkan komitmen dan kesungguhan bagi menjayakan sasaran kerja tahunan serta KPI yang perlu dicapai bagi tahun 2021.

Selain itu, program ini dapat membuat refleksi pencapaian warga pendidikan Jabatan Pendidikan W.P Labuan sepanjang tahun 2020 dan memperbaharui ikrar serta komitmen warga pendidikan untuk menjayakan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Gelombang 3 (2021-2025) dan perancangan strategik Jabatan.



Ikrar Perkhidmatan Awam diketuai oleh Encik Ag Marten Abdul Rahman, KPP SSTP

Puan Khaziyati Osman, Pengarah Jabatan Pendidikan W.P Labuan dalam ucapan amanahnya berbicara mengenai berkenaan Hala tuju Jabatan Pendidikan Wilayah

Persekutuan Labuan iaitu ***The Next Level*** yang bertemakan Pendidikan Komprehensif Minda Kelas Dunia.

Beliau menyeru agar warga pendidikan dapat mengadaptasikan *Tagline* dan Teras Profesional Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan. *Tagline* Jabatan Pendidikan ialah **Labuan World, Guru sayang muridnya, Kemenjadian murid bermula di Wilayah Persekutuan Labuan, Semua murid sangat bernilai, Semua sekolah di Labuan adalah sekolah pilihan.**

Manakala teras profesional warga pendidikan W.P Labuan ialah L.A.B.U.A.N yang membawa maksud ***Lead, Accountable, Bold, Unanimous, Approachable, Now.***

Katanya lagi, dalam mendepani cabaran Covid-19, guru seharusnya perlu mengubah kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan menerusi platform digital berpandukan manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

“Keperluan meningkatkan ilmu dan mempelbagaikan kemahiran bukan merupakan kelebihan tetapi keperluan yang perlu ada pada setiap pendidik supaya kita menjadi insan yang lebih ampuh dalam menghadapi pelbagai cabaran.” Puan Khaziyati Osman.

Kerjasama guru dan ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam mengupayakan pengajaran dan pembelajaran anak-anak terus berlaku walaupun ketika anak-anak tidak ke sekolah.



Ucapan Amanat oleh Puan Khaziyati Osman, Pengarah JPWPL Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Habibah Abdul Rahim, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, KPM yang diwakili oleh YBhg. Dato' Mohd Jamil bin Mohamed, Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM.

Dalam ucapannya beliau berbangga dengan tema program Mai Tah Baurung-urung Dalam Talian "Pendidikan Komprehensif Minda Kelas Dunia". Ini jelas menunjukkan keazaman dan kesungguhan yang tinggi dalam kalangan warga pendidik di W.P Labuan untuk mempersiapkan diri dan anak didik, ilmu serta kemahiran yang menyeluruh bagi menghadapi persaingan global dengan persiapan minda yang berilmu.

Pendidikan yang berkualiti memerlukan para guru melakukan paradigma sikap minda kelas dunia dengan meningkatkan tahap kompetensi untuk membina kompetensi murid-muridnya mencapai tahap penguasaan tertinggi. Jika kualiti guru dapat ditingkatkan ke tahap yang cukup tinggi, pastilah pendidikan kita dapat mencapai tahap cemerlang. Oleh itu, sebagai guru kita juga harus sentiasa berusaha mempertingkatkan ilmu dalam diri agar kita juga dapat berjalan seiring dengan kemajuan sistem pendidikan global.

Penguasaan dalam bidang ICT dan pelbagai aplikasi dalam

talian sudah tentu menjadi semakin penting dalam dunia pendidikan kini supaya ia seiring dengan kehidupan anak didik kita masa ini dan keperluan pendidikan di zaman ini.

"Harapan saya semoga tahun 2021 memberi kekuatan fizikal dan minda yang cukup kuat dalam usaha kita meningkatkan prestasi pendidikan walaupun terkesan dengan pandemik ini. Saya percaya komitmen dan usaha yang bersungguh-sungguh daripada cikgu-cikgu sekalian serta semua warga pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan akan melahirkan murid-murid yang berjaya melepasi segala rintangan dan mengelakkan defisit pembelajaran."
Datuk Dr. Habibah Abdul Rahim.



Ucapan perasmian oleh Dato' Mohd Jamil bin Mohamed, Pengarah BPSH

Tahniah dan syabas kepada Jabatan Pendidikan W.P Labuan yang telah menyediakan Perancangan Strategik Organisasi yang lebih menyeluruh dan bersepadu dan saya berharap ia akan dapat direalisasikan melalui pelaksanaan yang kemas dan tersusun demi mencapai matlamat sekolah berkualiti dan kemenjadian murid seperti yang dihasratkan dalam PPPM 2013-2025.